

سَمِينَر كِبْتَسَان اوندع ٢٠٠١ قَرِيندِين

SEMINAR KEBANGSAAN UNDANG-UNDANG PERBANDINGAN

Undang-undang Untuk Keadilan

12-13 Jun 2001 / 20-21 Rabiul Awal 1422
Bilik Mesyuarat Jumaah, Universiti Kebangsaan Malaysia

Islam Dan Alam Sekitar

Encik Azmi Sharom
Fakulti Undang-undang, UM

Anjuran



JABATAN SYARIAH
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Islam dan Alam Sekitar

Kertas Kerja bagi Seminar Kebangsaan Undang-Undang Perbandingan

Universiti Kebangsaan Malaysia

12 dan 13 Jun, 2001

Disediakan oleh: Azmi Sharom

Tidak boleh dinafikan bahawa keadaan alam sekitar kini menghadapi suatu krisis. Ini adalah kerana penggunaan sumber-sumber semulajadi berasaskan model-model pembangunan sekarang, terlalu membebankan dunia kita. Jikalau manusia ingin menghentikan pencemaran dan pembaziran yang sedang berlaku, kita mestilah menukar paradigma pembangunan yang sedia ada. Pada perspektif seorang peguam, penukaran ini mestilah mengambil bentuk undang-undang dan polisi-polisi baru yang berkesan. Apa-apa penukaran dalam perundangan memerlukan suatu asas ideologi yang teguh. Dalam ini, prinsip-prinsip keagamaan adalah suatu sumber yang elok untuk dikaji dan digunakan.

Agama Islam kaya dengan prinsip-prinsip yang sesuai bagi perlindungan alam sekitar. Kertas kerja ini akan mengkaji beberapa surah-surah Al Quran dan juga hadith-hadith yang relevan kepada perlindungan alam sekitar.

Khalifah

Pertama sekali kita hendaklah mengkaji prinsip khalifah dan amanah. Prinsip ini adalah asas kepada perlindungan alam sekitar mengikut agama Islam. Ini adalah kerana konsep-konsep ini menentukan peranan manusia didunia. "Khalifah" bermakna seorang yang diberi suatu tanggungjawab, suatu kedudukan yang tinggi yang penuh dengan kepercayaan dan kuasa. Kepercayaan (atau amanah) ini tidak boleh di salah gunakan dan mesti dipegang dengan ikhlas, tanpa melakukan apa-apa yang menentang kehendak pemberi tanggungjawab tersebut, yakni Allah SWT.¹

Terdapat hadith Nabi Muhammad SAW dimana RasulAllah telah menyatakan bahawa manusia diletak di bumi yang cantik ini sebagai khalifah supaya Allah boleh mengkaji kelakuannya. Kelakuan itu mestilah suci kerana jikalau tidak bencana akan melanda manusia sepertimana yang berlaku kepada kaum Ad dan Thamud.

Agama Islam tidak mempunyai masalah seperti agama Kristian misalnya. Buku Injil, Genesis 1:28 mengatakan "Be fertile and multiply; fill the earth and subdue it. Have domain over the fish of the sea, the birds of the air and all living things that move on this earth". Ini bermakna, mengikut agama Kristian manusia diperintah untuk mengeksploitasikan dunia. Menurut Abd-al-Hamid, Quran tidak mempunyai apa-apa ayat yang memerintah manusia untuk melakukan sedemikian. Khalifah dalam konsep Islam adalah seorang yang menjaga, memelihara dan membela dan bukan seorang yang mengeksploitasi. Dengan menggunakan tanggungjawab manusia sebagai asas, kita akan

¹Abd al-Hamid, "Exploring the Islamic Environmental Ethics", dalam *Islam and the Environment*, Ed. A.R. Agwan, Synergy Books International, Kuala Lumpur, 1997.

sekarang mengkaji prinsip-prinsip yang terdapat di dalam Al-Quran yang relevan kepada alam sekitar.

Air

Islam adalah suatu agama yang diturunkan di sebuah negara bergurun. Oleh yang demikian ia tidaklah menghairankan yang air memainkan peranan yang sangat penting dan suci dalam agama ini. Pertama sekali, air dianggap sebagai sumber semua jenis kehidupan di dunia.

“Dan Allah menciptakan tiap haiwan yang bergerak itu dari air”. Surah 24 Ayat 45.

“Dan kami jadikan dari air tiap-tiap benda yang hidup”. Surah 21 Ayat 30.

Ada penulis yang menggunakan ayat-ayat ini sebagai bukti bahawa Al-Quran mempunyai nilai saintifik. Ini adalah oleh sebab ahli sains sekular semuanya setuju bahawa kehidupan di dunia ini tidak boleh wujud tanpa adanya air. Walaubagaimanapun, apa yang hendak ditekankan disini adalah bahawa air itu memperolehi suatu status yang tinggi, dan simbolisme ayat-ayat ini, yang menggambarkan air sebagai suatu sumber yang begitu diperlukan, tidak boleh dinafikan.

Air juga sangat diperlukan untuk penerusan kehidupan di dunia.

“Demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang”. Surah 2 Ayat 164.

“Engkau melihat bumi itu kering kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpunya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh) dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai”. Surah 22 Ayat 5.

Dari segi kerohanian pula, terdapat ayat-ayat Quran yang menghuraikan syurga sebagai suatu tempat dimana terdapat taman-taman dan sungai-sungai yang cantik dan suci. Tambahan lagi air bersih digunakan untuk mensucikan diri, terutama sekali dalam aktiviti wuduk yang dilakukan sekurang-kurangnya lima kali sehari. Ini meneguhkan lagi kepentingan air dalam keadaan yang bersih, suci dan tidak tercemar. Surah 67 Ayat 30 pula memberi amaran kepada manusia supaya berhati-hati dan bersyukur dengan khazanah air ini. “Katakanlah lagi; Bagaimana fikiran kamu, sekiranya air kamu hilang lenyap (ditelan bumi) maka siapakah (selain Allah) yang dapat mendatangkan kepada kamu air yang sentiasa terpancar mengalir?”

Ayat ini menunjukkan bahawa manusia mestilah sentiasa bersyukur kepada Tuhan kerana apa yang kita ada, adalah dengan kehendak Allah sahaja. Justeru itu, ia adalah sangat penting yang kita tidak membazirkan apa yang telah diberi. Dalam konteks perbincangan tentang air, kepentingan tidak membazir ini dapat dilihat dalam suatu hadith dimana Nabi

Muhammad SAW memarahi seorang pengikutnya sebab beliau sedang menggunakan air dengan melampau semasa mengambil wudhu. Orang itu pula menyoal Nabi Muhammad SAW. "Bolehkah saya dianggap sebagai membazir air jikalau saya sedang mengambil wudhu." Nabi SAW menjawab bahawa dalam perbuatan apa-apapun boleh ada pembaziran.

Udara

Setahu penulis, tiada ayat-ayat dalam Al-Quran yang dengan nyatanya, membincang tentang kualiti udara. Kepentingan angin sebagai penyebar benih dan pembawa hujan memang disebutkan.

"Dan Kami hantarkan angin sebagai pembawa air dan pemindah benih." Surah 15 Ayat 22. Surah 7 Ayat 57 pula menghuraikan bagaiman anginlah yang membawa awan-awan hujan untuk menyuburkan tanah.

Surah 44 Ayat 10 juga menyatakan bahawa udara yang berasap dan tercemar adalah satu keseksaan pada manusia. Oleh yang demikian, kita boleh membuat kesimpulan bahawa udara itu telahpun diiktiraf kepentingannya, dan pencemaran udara adalah suatu yang tidak diingini. Justeru itu, walaupun tiada ayat-ayat yang spesifik tentang pencemaran udara, ia boleh dikatakan bahawa udara, seperti semua aspek-aspek alam sekitar yang lain adalah sesuatu yang patut dilindungi.

Tanah

Tanah yang subur, seperti juga air, dianggap sebagai amat penting untuk menanggung kehidupan. Nilainya adalah sebagai suatu sumber yang diperlukan untuk tanam-tanaman dan tumbuhan. Seperti firman Allah dalam Surah 15 Ayat 19 dan 20. "Dan bumi ini Kami bentangkan, dan kami letakkan padanya gunung-ganang yang kukuh terdiri, serta Kami tumbuhkan padanya tiap-tiap sesuatu yang tertentu timbangannya dan kami jadikan untuk kamu pada bumi ini segala keperluan hidup".

Dan juga Surah 36 Ayat 33-36. "Dan dalil yang terang untuk mereka (memahami kekuasaan dan kemurahan Kami), ialah bumi yang mati Kami hidupkan dia serta Kami keluarkan daripadanya biji-bijian, maka daripada biji-bijian itu mereka makan. Dan kami jadikan dibumi itu kebun-kebun korma dan anggur, dan kami pancarkan padanya beberapa matair, supaya mereka makan dari buah-buahnya dan dari apa yang dikerjakan oleh tangan mereka: maka patutkah mereka tidak bersyukur?"

Sekali lagi, tema kesyukuran jelas dilihat. Allah telah menghadiahkan manusia dengan tanah subur yang menghasilkan tumbuhan yang diperlukan untuk kehidupan, oleh yang demikian, kita patut memeliharanya supaya ia boleh terus digunakan untuk tujuan ini. Al-Quran tidak menghadkan kepentingan tanah sebagai sumber tanaman, ia juga penting sebagai kawasan tadahan air, Ini boleh didapati dalam Surah 77 Ayat 27 dan Surah 79 Ayat 30-33.

“Dan Kami telah jadikan di bumi gunung-ganang yang menetapnya, yang tinggi menjulang, dan Kami telah memberi minum kepada kamu air yang tawar lagi memuaskan dahaga”.

“Dan bumi sesudah itu dihamparkannya (untuk kemudahan penduduknya) – Ia mengeluarkan dari bumi itu: airnya dan tumbuh-tumbuhannya dan gunung ganang pula dikukuhkan letaknya (di bumi sebagai pancang pasak yang menetapnya) (semuanya itu) untuk kegunaan kamu dan binatang-binatang ternak kamu.”

Mungkin ayat-ayat ini patut direnungi dahulu sebelum projek memotong bukit diluluskan dimasa hadapan.

Fauna dan Flora

Binatang adalah makhluk Tuhan yang patut dihargai sebab seperti kata Surah 6 Ayat 38. “Dan tidak seekor pun binatang yang melata di bumi dan tidak seekor pun burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan mereka umat-umat seperti kamu.” Oleh yang demikian, mereka patutlah dilayani dengan baik dan dengan kehormatan.

Jurisprudens Islam telah berkembang kesuatu tahap dimana binatang diberi hak. Haknya itu tidaklah setaraf dengan hak perundangan manusia tetapi ia masih penting. Izzad-din ibn Abd as-Salam dalam *Qawa' id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, menyenaraikan hak-hak binatang dan ini termasuk: hak untuk dipelihara dengan baik, walaupun ia sudah tua dan tidak berguna lagi; hak untuk tidak dikerjakan sehingga tercedera; hak untuk tidak diseksa, misalnya melalui pertarungan binatang; hak untuk membiak; dan hak untuk bebas dari diseksa (ini termasuk seksaan mental.)

Justeru itu, terdapat potensi dalam jurisprudens Islam untuk menjaga binatang, bukan sahaja dari segi moral tetapi juga dari segi perundangan. Dan perlindungan itu bukanlah perlindungan yang superfisial tetapi mendalam dengan implikasi-implikasi hebat kepada semua perhubungan manusia dengan binatang.

Tumbuhan juga sangat dihargai dalam Islam dan surah 6 Ayat 99 bukan saja mencerminkan penghargaan tumbuhan tetapi ia juga mempunyai simbolisme yang boleh dikatakan mementingkan kepelbagaian biologi.

“Dan Dialah yang menurunkan hujan dari langit lalu kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (korma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaiton serta buah delima, yang bersamaan (bentuk rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah dan ketika masaknyanya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman”.

Amalan orang Islam semasa zaman awal agama ini juga menunjukkan kehormnatan kepada binatang dan tumbuhan, walaupun dalam masa peperangan. Ini jelas didapati dalam arahan Saidina Omar kepada askar-askarnya supaya mereka tidak memusnahkan tanaman dan pokok-pokok berbuah dan tidak memburu binatang untuk tujuan bersuka-suka.

Pengunaan Sumber

Terdapat tiga tema ketara yang boleh dijumpa didalam Al-Quran yang berkenaan dengan penggunaan sumber.

- 1. Sumber yang sedia ada mestilah dijaga supaya ia boleh digunakan oleh generasi masa hadapan.
- 2. Semua bahan disediakan sukatannya tersendiri, oleh yang demikian ia boleh habis atau luput.
- 3. Pembaziran adalah dilarang.

Inspirasi bagi tema pertama boleh didapati dalam Surah 89 Ayat 19 yang berbunyi: “Dan kamu sentiasa makan harta pesaka secara rakus (dengan tidak membezakan halal dan haramnya).” Ayat ini sebenarnya adalah tentang harta pesaka, tetapi jika kita menganalisisnya dengan rapi kita masih boleh menggunakannya dalam konteks alam sekitar. Pertama sekali, nada Ayat ini sangat tegas. Dengan itu kita boleh membuat kesimpulan bahawa Allah memang tidak suka penyalahgunaan harta pesaka. Penyalahgunaan harta pesaka boleh mengambil dua bentuk. Yang pertama adalah apabila seorang membazir harta pesaka yang ditinggalkan kepadanya. Kedua adalah apabila seseorang itu menyalahgunakan harta pesaka orang lain yang dia sedang menguruskan. Ini adalah sebab ia adalah suatu penyalahgunaan amanah.

Jikalau begitu, kita boleh membuat andaian bahawa amanah besar yang diberi kepada manusia, yakni dunia ini dan alam sekitar yang sempurna, juga seakan-akan harta pesaka dan juga mesti dilindungi dan tidak disalah gunakan oleh orang-orang yang berhak keatasnya, yakni generasi sekarang, dan orang yang akan mewarisinya, yakni, generasi yang akan datang.

Bagi tema kedua pula, iaitu bahawa semua benda itu dibuat dengan sukatannya dan oleh demikian boleh habis diguna, disebut dalam Surah 54 Ayat 49; “Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan).” Surah 15 Ayat 21 pula berbunyi, “Dan tidak ada sesuatupun melainkan pada sisi kami sahaja perbendaharaannya, dan kami tidak menurunkannya melainkan dengan menurut kadar dan masa yang tertentu”. Oleh yang demikian manusia hendaklah berhati-hati apabila mengguna sumber-sumber semulajadi.

Tema ketiga adalah tentang pembaziran. Prinsip ini boleh didapati dalam Surah 6 Ayat 141.

“Dan Dialah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar dan yang tidak menjalar, dan pohon-pohon tamar (korma) dan tanam-tanaman yang berlainan

(bentuk, rupa dan) rasanya: dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau-lampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan) sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau-lampau.”

Prinsip anti pembaziran ini sangat cocok dengan model pembangunan Islam. Misalnya dalam Surah 17 Ayat 27, ia dikatakan “Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya”. Dalam konteks alam sekitar model pembangunan Islam lebih sesuai daripada sistem model kapitalis yang sedia ada. Ini adalah kerana walaupun sistem Islam menggalakan pencarian harta, ia patut dilakukan dengan pembangunan masyarakat umumnya sebagai motivasi utamanya dan bukan kekayaan diri sendiri. Perdagangan secara Islam menekankan keadilan.

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan suka sama suka diantara kamu.” Surah 4 Ayat 29.

Islam juga tidak menggalakan penggunaan harta yang berlebih-lebihan. Masyarakat yang terlalu materialistik, bukanlah masyarakat Islam yang ideal. Hendaklah diingat bahawa ideologi materialisme yang tidak terhad adalah satu daripada sebab-sebab pembaziran berleluasa dan alam sekitar yang dicemar.

Secara amnya, tujuan sistem pembangunan Islam, dengan kepentingan yang diletakkan keatas keadilan dan penggunaan sederhana, adalah untuk mencapai suatu mesyarakat dimana perbezaan kekayaan tidaklah begitu luas. Jurang kaya dan miskin adalah suatu sebab utamanya kemerosotan alam sekitar, seperti yang diiktirafkan dalam pengenalan kepada Deklarasi Stockholm 1972, dimana ia diakui bahawa: “Dalam negara-negara membangun kebanyakan masalah alam sekitar diakibatkan oleh pembangunan yang lemah. Berjuta-juta orang terus hidup dibawah garis minima yang diperlukan untuk kehidupan manusia yang elok. Mereka tiada makanan, pakaian, perumahan, pelajaran, kesihatan dan sistem kebersihan awam”.

Ringkasan

Agama Islam memang menyediakan banyak prinsip yang menghendaki manusia melindungi alam sekitar secara aktif. Prinsip-prinsip tersebut boleh diringkaskan kepada tiga perkara.

1. Sumber-sumber semulajadi di dunia ini adalah seperti hadiah dari Allah, oleh yang demikian manusia mestilah bersyukur dan tidak patut menyalah gunakannya.
2. Sebagai khalifah yang memegang amanah suci, manusia mesti memelihara dunia ini dan alam sekitarnya, bukan saja untuk dirinya sendiri tetapi juga untuk generasi yang akan datang.

- 3. Semua elemen-elemen alam sekitar, air, udara, tanah, fauna dan flora, ada ayat-ayat Quran dan hadith yang memerlukannya dihargai dan dijaga. Elemen-elemen ini bukan saja penting oleh kerana ia berguna kepada manusia, ia penting secara lazimnya.

Perspektif Sekular

Undang-undang alam sekitar (domestik dan antarabangsa) telahpun berkembang ketahap di mana prinsip-prinsip yang dinyatakan diatas boleh didapati dalam dunia sekular. Paling nyata sekali dalam deklarasi-deklarasi seperti Deklarasi Stockholm 1972, The World Charter for Nature 1983, Laporan Brundtland 1987 dan Deklarasi Rio 1992. Ini adalah dokumen-dokumen antarabangsa yang telahpun ditandatangani oleh kebanyakan negara. Ia menggariskan prinsip-prinsip seperti pembangunan yang bijak, hak generasi akan datang, perlindungan flora dan fauna, perlindungan kepelbagaian benda hidup dan sebagainya.

Walaupun dokumen-dokumen sebegini tidak mengikat, prinsip-prinsip yang ditentukan olehnya boleh menjadi dorongan untuk undang-undang yang mengikat seperti triti dan perundangan dalam negeri. Contoh-contoh triti yang diguna pakai sekarang termasuklah, Washington Convention on the Trade of Endangered Species of Flora and Fauna, Ramsar Convention on Wetlands, United Nations Biological Diversity Convention, Climate Change Convention, Basel Convention on the Movement and Disposal of Hazardous Waste dan macam-macam lagi.

Diperingkat domestik pula Malaysia telahpun meluluskan lebih kurang 40 undang-undang yang berkaitan secara langsung atau secara tidak langsung dengan alam sekitar. Di negara Filipina hak generasi akan datang kepada alam sekitar yang elok telahpun di iktirafkan dalam kes *Minors Opasa* 1993. Aspek kerohanian juga boleh didapati dalam dunia sekular dalam bentuk ideologi "Deep Ecology". Jadi, jikalau semua prinsip-prinsip yang didapati didalam agama Islam boleh didapati di alam sekular, apakah peranan Islam dalam perlindungan alam sekitar pada masa ini?

Kesimpulan

Agama Islam memang kaya dengan prinsip-prinsip yang berguna dalam perlindungan alam sekitar. Kelebihannya adalah bahawa ia datang dari Tuhan, oleh yang demikian kuasanya untuk mendorong tindakan oleh manusia adalah lebih kuat. Tetapi kelebihan ini adalah juga kelemahannya sebab jikalau seorang itu tidak percaya dalam agama Islam atau tidak percaya dalam agama langsung, bagaimanakah boleh dia memeluk prinsip-prinsip yang ditentukan oleh al-Quran dan hadith?

Ini bermakna bahawa prinsip-prinsip alam sekitar Islam mungkin terhad hanya kepada negara-negara dimana kebanyakan rakyatnya adalah beragama Islam atau sistem kerajaannya adalah sistem Islam. Ini tidak semestinya suatu yang negatif. Misalnya di Malaysia. Walaupun undang-undang alam sekitar sedia ada, tetapi masalah alam sekitar masih berleluasa. Satu daripada sebabnya adalah penguatkuasaan yang lemah. Ini

mungkin disebabkan oleh suatu pendapat yang alam sekitar itu tidak sepeenting pembangunan ekonomi. Jikalau aspek keagamaan ditekankan, dan jikalau kewajipan manusia untuk memelihara alam sekitar diketengahkan, mungkin isu alam sekitar ini akan diambil kira dengan lebih serius lagi. Prinsip-prinsip Islam juga boleh digunakan apabila menentukan kekuatan dan kekurangan perundangan yang sedia ada.

Walaubagaimanapun, kita haruslah berhati-hati supaya tidak terburu-buru menyokong dan menguna hanya prinsip-prinsip yang mempunyai perkataan Islam dihadapannya. Mestilah diingat bahawa hampir 50% rakyat di negara ini bukanlah beragama Islam. Tambahan lagi masalah alam sekitar adalah terlalu serius dan kita tidak mempunyai masa untuk berdebat tentang ideologi manakah yang lebih kuat atau lebih sah.

Apa yang diperlukan adalah suatu penukaran paradigma dari model pembangunan yang mengagungkan hanya kewangan kepada sistem pembangunan yang memberi prioriti kepada keperluan asas manusia, termasuklah alam sekitar yang bersih dan terpelihara. Tidak kira apakah labelnya. Justeru itu, tokoh-tokoh Islam dan aktivis-aktivis alam sekitar beragama Islam patutlah terus berjuang untuk menyebarkan prinsip-prinsip perlindungan alam sekitar sepertimana ditentukan oleh Agama Islam. Tetapi ini mesti dilakukan dalam semangat kerjasama dengan aktivis-aktivis lain yang tidak mempunyai sistem kepercayaan yang sama.

RUJUKAN

Penterjemahan Al Quran, Terbitan Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri.

Islam and the Environment, Ed. A.R. Agwan, Synergy Books International, Kuala Lumpur, 1997.

Koester V, "From Stockholm to Brundtland", *Environmental Policy and Law*, 20/1/2 (1990).

Minors Opasa et al v Secretary of State of the Environment and Natural Resources Fulgencio Factoran, G.R. 30 July 1993.

Sutton P.W, *Explaining Environmentalism: In Search of a New Social Movement*, Ashgate, Vermont, 2000.

Chee Yoke Ling, *Humanity Must Protect Nature: What Islam, Taoism, Hinduism & Christianity Have to Say About Environmental Protection*, Third World Science Movement/CAP, Penang, 1987.

Akhtaruddin Ahmad, *Islam and the Environmental Crisis*, Ta-Ha Publishers, London, 1997.